

Isu hudud cermin krisis identiti parti politik M'sia

Jun 02, 2016 | 05:30 AM
DR NORSHAHRI SAAT

SELAMA ini, setiap usaha melaksanakan hukum hudud di Malaysia oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) disekat oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno).

Usaha PAS itu bermula semenjak 1990-an lagi, apabila parti tersebut memerintah semula Kelantan.

Umno juga pernah menyekat usaha PAS melaksanakan hukumam tersebut - membabitkan hukuman sebat bagi pelaku zina, memfitnah sesorang melakukan zina dan meminum minuman keras - semasa PAS memerintah Terengganu dari 1999 hingga 2004.

Namun, sepanjang beberapa bulan lalu, Umno seakan bersedia mengubah pandangannya terhadap usaha PAS itu.

Baru-baru ini, PAS cuba memulakan semula perdebatan tentang hukum hudud dengan membentangkan satu rang undang-undang mengubah Akta Mahkamah Syariah 1965 bagi meluaskan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah di Malaysia.

Pada minggu lalu, parlimen Malaysia digemparkan dengan berita bahawa Tuan Speaker membenarkan rang undang-undang itu dibentangkan walaupun, pada mulanya, agenda itu berada pada kedudukan paling corot dalam senarai agenda Parlimen Malaysia.

PAS, bagaimanapun, menanggungkan perdebatan itu, dan bercadang membangkitkan isu tersebut pada sesi akan datang Oktober ini.

Isu tersebut membangkitkan kemarahan pemimpin bukan Islam di Malaysia terutamanya dalam kalangan pemimpin parti pembangkang, Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Malah, parti-parti bukan Melayu dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) termasuk Persatuan Cina Malaysia (MCA) juga menyuarakan keprihatinan mereka.

Presiden MCA, Liow Tiong Lai, mengancam meletak jawatan daripada kabinet Malaysia jika undang-undang hudud dilaksanakan di Malaysia.

Isu itu juga menunjukkan adanya perpecahan dalam kabinet.

Dalam satu laporan, ada menteri yang berkata mereka tidak setuju jika rang undang-undang syariah itu dibentangkan dan berasa hairan mengapa perdebatannya dipercepatkan.

Pada 18 Jun ini, Umno bakal berdepan dengan dua pilihanraya kecil - di kawasan undi Kuala Kangsar, Perak; dan Sungai Besar, Selangor.

Pilihanraya itu diadakan berikutan kematian Cik Noriah Kasnon dan Wan Muhammad Khairil Anuar Wan Ahmad dalam satu nahas helikopter semasa berkempen di Sarawak.

Umno mengharapkan kemenangan jelas dalam dua pilihanraya itu bagi membuktikan sokongan rakyat terhadap parti itu masih kukuh di Semenanjung Malaysia.

Walaupun parti pembangkang berada dalam kedudukan lemah buat masa ini akibat perpecahan dalaman dan kelemahan pada pucuk pimpinannya, Kuala Kangsar and Sungai Besar bukan kerusi yang selamat bagi Umno.

Pada pilihanraya 2013, Umno hanya menang tipis dengan meraih 50.4 peratusan undi di Kuala Kangsar. Di Sungai Besar pula, ia menang dengan majoriti 399 undi atau satu persen saja.

Dalam pilihan raya ini, ramai menjangkakan perlawanan tiga penjuru kerana para pemimpin Parti Amanah Negara (Parti Amanah), yang terdiri daripada bekas ahli PAS, menyuarakan kesediaan mereka bertanding.

Namun, Umno juga mengalami keretakan. Mereka yang menyokong mantan perdana menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad, telah melancarkan kempen besar-besaran bagi menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak.

Walaupun pemimpin Umno lain masih menyokong Datuk Seri Najib, belum ada kepastian sama ada tahap sokongan terhadap pimpinan beliau di peringkat akar-umbi masih utuh. Ringkasnya, parti-parti Malaysia berpecah-belah.

Isu hukum hudud sudah lama didebatkan.

Dalam sejarah moden Malaysia, undang-undang itu mendapat perhatian pemimpin terdahulu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957.

Namun, mereka jelas dengan pendiriannya bahawa Malaysia tidak boleh mengamalkan undang-undang Islam secara menyeluruh kerana ia negara berbilang agama dan bangsa.

Malaysia juga mengamalkan sistem unik berkaitan Islam - simbol-simbol negara masih kuat elemen Melayu dan Islam; agama Islam dibawah naungan Raja-Raja Melayu; dan undang-undang Islam ditadbir pada peringkat negeri dan bukan persekutuan.

Hal itu termaktub dalam perlembagaan Malaysia dan hanya pada tahun 1980-an, semasa pemerintahan Mahathir, undang-undang Islam diperkukuh lagi pada peringkat negeri.

Malah, pada peringkat persekutuan, institusi agama, seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dimartabatkan. Kita juga melihat penglibatan meluas para mufti di Malaysia dalam ruang awam. Mereka memberikan komen tentang pelbagai isu semasa termasuk politik, ekonomi, sosial dan agama.

Di sebalik pemeraksanaan itu, pendirian Umno terhadap hudud amat konsisten.

Lebih ketara dalam isu rang undang-undang syariah baru-baru ini menunjukkan betapa parti-parti politik di Malaysia sedang mengalami krisis identiti.

Misalnya, ada perpecahan dalam BN walaupun parti tersebut menang besar dalam pilihan raya Sarawak baru-baru ini. Isu itu juga menyebabkan MCA dan DAP - dua parti dominan Cina - bercakaran.

Ada pemimpin MCA menyalahkan DAP kerana pernah bersekongkol dengan PAS sebelum ini.

Keretakan dalam MCA juga mulai kelihatan apabila Dr Ridhuan Tee Abdullah, seorang tokoh Cina-Muslim popular, mengumumkan bakal keluar daripada parti itu kerana ia tidak menyokong usul PAS.

Jelas, ada percaturan politik di sebalik usul undang-undang syariah itu.

Pada mulanya, ia mungkin usaha Umno mahu meyakinkan masyarakat Melayu/Islam bahawa ia sedia bekerjasama dengan PAS walaupun perikatan antara kedua parti itu mustahil ketika ini. Namun, Umno melakukan langkah itu walaupun sedar ia membangkitkan kemarahan bukan Melayu/Islam.

Hakikatnya, perdebatan syariah itu mengeruhkan lagi hubungan antara masyarakat Melayu/Islam dengan bukan Islam. Jika tidak dibendung, politik Malaysia boleh terjerumus ke arah politik Islam lawan bukan Islam. Ini tidak sihat bagi sebuah negara majmuk.

- *Penulis Zamil ISEAS- Institut Yusuf Ishak. Beliau lulusan PhD daripada Universiti Kebangsaan Australia (ANU) dan seorang pengamat ehwal politik Malaysia, Indonesia dan Singapura.*

Source: <http://www.beritaharian.sg/dunia/isu-hudud-cermin-krisis-identiti-parti-politik-msia>

A version of this article also appeared in the print edition of Berita Harian on June 02, 2016, with the headline 'Isu Hudud cermin krisis identiti parti politik M'sia'.